

80 peserta dari 75 negara sertai pidato Piala Perdana Menteri 2014

KUALA LUMPUR 10 April - Seramai 80 peserta dari 75 negara akan menyertai Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2014 bagi memartabatkan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa yang akan berlangsung pada 22 hingga 25 April ini di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Ketua Sekretariat PABM, Abdul Halim Ibrahim berkata, sambutan kali ini sangat memberangsangkan dengan penyertaan yang diterima melebihi sasaran awal.

“Kesemuanya ada 80 peserta, namun dua orang masih belum dapat mengesahkan penyertaan mereka kerana ada peperiksaan di universiti.

Kali pertama PABM dianjurkan tujuh tahun lalu hanya ada 23 peserta.

“Kali ini 75 negara meliputi enam benua akan menyertai PABM dan saya difahamkan peserta sudah membuat persediaan rapi untuk menentang pencabar mereka,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurutnya, kesemua peserta akan didedahkan kepada teknik penyampaian pidato bagi memantapkan penggunaan bahasa Melayu dalam satu bengkel sebelum memulakan saingan di peringkat saringan pertama yang akan bermula 22 April ini.

“Rata-rata peserta sudah mempelajari bahasa Melayu di negara mereka,

tinggal lagi kita mahu tengok mana yang perlu diperbetulkan penggunaan bahasa Melayu mereka ketika menyampaikan pidato nanti,” ujarnya.

PABM bakal menyaksikan dua kategori dipertandingkan iaitu nusantara dan antarabangsa yang masing-masing menawarkan hadiah lumayan untuk direbut.